

UMS IPTA pertama bangunkan pusat komersial

Um 19/10/2011 31

KOTA KINABALU 18 Okt. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini yang membangunkan pusat komersial, Presint Antarabangsa UMSLink (UIP).

Pembangunan di kawasan seluas dua hektar itu dilaksanakan melalui kerjasama antara anak syarikat UMS, UMSLink Holding Sdn. Bhd. (UMSLink) dan syarikat pembinaan, Goldenmas Development Sdn. Bhd. (GDSB).

Hari ini, UMS Link dan GDSB menandatangani perjanjian pembelian, pembinaan, sewa beli dan pemindahan bagi melaksanakan projek bernilai RM186 juta di

Alamesra, Jalan Sulaman di sini.

UMS diwakili oleh Pengerusi Kumpulan UMSLink, Datuk K.Y. Mustafa dan Pengarah UMSLink, Profesor Dr. Roselina Ahmad Saufi manakala GDSB pula diwakili oleh Pengaruhnya, Willy Lee dan Pengarah Projek GDSB, Mohamad Yazid Mohamad Hanifah.

Majlis tersebut disaksikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh.

Menurut Mustafa, projek yang akan dimulakan pada April depan itu dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan 2015.

Katanya, melalui perjanjian berkenaan GDSB akan membina projek berkenaan dan UMSLink membayar

sewa beli selama 30 tahun sebelum dipindah milik.

"Dengan pelaksanaan projek ini, UMSLink yakin mampu memberi sumbangan kewangan yang signifikan kepada UMS dengan menghasilkan 60 peratus kepada pendapatan UMS.

"Ini akan membolehkan UMS memenuhi aspirasi bagi mengurangkan pergantungan kepada geran kerajaan," katanya di sini hari ini.

Beliau memberitahu, projek yang turut menggunakan teknologi hijau itu melibatkan pembinaan menara enam tingkat, hotel 95 bilik, 160 unit pangaspuri, pusat pakar perubatan dan pelbagai kemudahan

lain.

Katanya, kelengkapan tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dan ekspatriat antarabangsa tetapi memberi sumbangan dalam mempromosikan industri pelancongan di Sabah.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, pelaksanaan projek tersebut penting dalam usaha menjadikan Sabah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dengan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa.

"Perkara ini tidak akan hanya dicapai melalui pelan pembangunan modal insan tetapi juga dengan penyediaan keperluan infrastruktur pembelajaran dan tempat tinggal yang kondusif," ujarnya.